

PM: Kekalkan sikap dermawan

U. 27 MAY 1994

8

KUALA LUMPUR 26 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap rakyat Malaysia mengekalkan sikap murah hati dan dermawan kerana ia merupakan unsur penting bagi membentuk masyarakat dan negara yang stabil.

Beliau Menteri berkata, sikap itu juga akan mewujudkan masyarakat penyayang.

“Setiap rakyat perlu merasakan bahawa mereka terhutang kepada masyarakat kerana mereka hanyalah penjaga harta dan kekayaan yang mereka miliki.

“Sebagai penjaga harta dan kekayaan itu, mereka hendaklah sentiasa sanggup menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis jamuan teh bagi meraikan artis-artis cacat dan penderma Tabung Kesenian Orang Cacat, di sini, hari ini.

Terlalu pemurah

Katanya, beliau berbangga kerana masyarakat negara ini adalah terlalu pemurah untuk semua bangsa di dunia yang dilanda bencana dan sikap seumpama ini harus terus dipupuk.

“Setiap kali kita mengadakan acara mengutip derma, belum pernah tidak ada yang menderma.

“Mereka mudah sekali menghulurkan derma...bukan RM20 atau ratus ringgit tetapi kadang-kadang berjuta ringgit berjaya dipungut,” katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan, Datuk Napsiah Omar dan Timbalannya, Datuk Alex Lee.